

1. "_____ perlu menyeberangi sungai ini sebelum malam menjelang," kata Suresh kepada Faizal.

- ☐ A Kita
- ☐ B Kami
- ☐ C Kalian
- ☐ D Tuanku

2. "_____ berharap agar keputusan yang diambil ini akan membawa kejayaan dan kebahagiaan pada masa akan datang," kata Iskandar kepada ibunya.

- ☐ A Hamba
- ☐ B Anda
- ☐ C Kami
- ☐ D Saya

3. Datuk Baharudin merupakan usahawan tani yang berjaya. _____ mempunyai beratus-ratus ekar tanah yang ditanam dengan pelbagai jenis sayur.

- ☐ A Baginda
- ☐ B Mereka
- ☐ C Beliau
- ☐ D Dia

4. "Usahlah _____ gentar akan kemampuan mereka," kata Cikgu Husin kepada para pemain pasukan bola sepak sekolahnya.

- ☐ A kami
- ☐ B awak
- ☐ C kalian
- ☐ D mereka

5. "_____ baru sahaja pulang dari Surabaya semalam," kata Nadia kepada Haiza.

- ☐ A Dia
- ☐ B Kita
- ☐ C Saya
- ☐ D Kami

6. "Dalam hal ini, _____ mesti bersatu padu untuk menyelesaikan masalah, bukannya bertengkar," kata Yunus kepada rakan-rakannya.

- ☐ A dia
- ☐ B kita
- ☐ C saya
- ☐ D kami

7. Murid-murid di dalam kelas itu mendapat pujian daripada Pengetua kerana _____ telah memenangi Pertandingan Kelas Tercantik.

- ☐ A dia
- ☐ B kita
- ☐ C beliau
- ☐ D mereka

8. "Ini Ruhil, sahabat karib _____ semasa di sekolah rendah dahulu," kata Raihan.



- ☐ A kamu
- ☐ B kami
- ☐ C saya
- ☐ D kita

9. "_____ boleh merujuk hospital kerajaan mahupun hospital swasta untuk mendapatkan rawatan lanjut," kata jururawat itu kepada Alma.

- ☐ A Daku
- ☐ B Anda
- ☐ C Dikau
- ☐ D Kalian

10. Yang Berhormat Tuan Haji Romli tidak dapat datang kerana _____ demam.

- ☐ A dia
- ☐ B beliau
- ☐ C mereka
- ☐ D baginda

11. Pada hujung minggu lalu, ayah dan ibu menghadiri _____ kenduri arwah datuk di rumah Pak Ngah Salleh.

- ☐ A majlis
- ☐ B aktiviti
- ☐ C bengkel
- ☐ D seminar

12. Sejak ayahnya meninggal dunia, _____ terpaksa berhenti sekolah untuk menyara keluarganya.

- ☐ A dia
- ☐ B kalian
- ☐ C beliau
- ☐ D mereka

13. Sultan Mahmud dan permalsuri _____ berkenan untuk menerima menghadap duta asing dari negara Timur Tengah itu.

- ☐ A dia
- ☐ B beliau
- ☐ C mereka
- ☐ D baginda

14. "Terimalah hadiah daripada _____ yang tidak seberapa ini," kata pedagang asing itu kepada Sultan Mansur Syah.

- ☐ A hamba
- ☐ B saya
- ☐ C patik
- ☐ D aku

15. Setelah dilantik sebagai Ketua Kampung Bayu, _____ melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik sekali.



- ☐ A dia
- ☐ B beliau
- ☐ C mereka
- ☐ D baginda

16. Steven amat rajin membaca buku. Oleh sebab itu, _____ digelar ulat buku oleh rakan-rakannya.

- ☐ A dia
- ☐ B kami
- ☐ C beliau
- ☐ D mereka

17. Hantarkan penyertaan _____ melalui pos ataupun e-mel sebelum tarikh tutup.

- ☐ A tuanku
- ☐ B anda
- ☐ C patik
- ☐ D aku

18. Warga sekolah itu menyambut ketibaan Pengarah Pendidikan Negeri ke sekolah _____ dengan paluan kompang dan persembahan kebudayaan.

- ☐ A dia
- ☐ B beliau
- ☐ C kalian
- ☐ D mereka

19. "Akan _____ buktikan kepada mereka bahawa aku mampu melepasi halangan ini," bisik Bakri sendirian.

- ☐ A kita
- ☐ B aku
- ☐ C kami
- ☐ D hamba

20. Ibu bapa bertanggungjawab untuk memastikan kejayaan anak-anak _____ dalam pelajaran.

- ☐ A dia
- ☐ B anda
- ☐ C kalian
- ☐ D mereka